



## PLKN MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME

**PROGRAM** Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mula dilaksanakan pada 16 Februari 2004, telah melatih puluhan ribu remaja Malaysia. Empat modul utama menjadi tunjang kekuatan PLKN. Modul tersebut ialah fizikal, kenegaraan, pembinaan perwatakan dan khidmat komuniti. Meskipun masih lagi terdengar suara yang meragui keberkesanan PLKN, kajian membuktikan tanggapan tersebut tidak berasas.

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), dalam kajian keberkesanan PLKN, mendapati bahawa hasil daripada PLKN, 82 peratus remaja memiliki semangat patriotisme yang tinggi dan 88.3 peratus pula mampu membina jati diri dan kepimpinan. Hal ini membuktikan PLKN mampu membina remaja yang

memiliki semangat patriotisme yang tinggi, sekali gus melahirkan generasi yang mencintai negara. Kajian yang dilakukan oleh JLKN ini disokong oleh masyarakat, termasuk pensyarah dan guru.

Dalam memupuk semangat patriotisme, peserta didedahkan

modul kenegaraan. Pendedahan ini membolehkan mereka mengetahui hal kenegaraan yang merangkumi kerajaan, rakyat, kedaulatan, dan cabaran dari dalam dan luar negara.

Modul kenegaraan amat penting memandangkan banyak remaja yang tidak mengetahui hal kenegaraan. Di sekolah umpamanya, ramai remaja yang tidak tahu tentang barisan kabinet Malaysia. Sesetengahnya pula langsung tidak mengetahui nama kementerian dalam kerajaan. Selain itu, ada yang tidak mengetahui sejarah kemerdekaan tanah air.

oleh  
AMIRUDDIN  
MD. HANAFIAH



PLKN mampu membentuk generasi muda yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi.



PLKN mampu membentuk generasi yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi. Semangat patriotisme yang tinggi ini berjaya dipupuk berdasarkan latihan yang diterima.

Semasa menjalani latihan di kem, generasi muda ini berjaya menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi. Melalui Modul Khidmat Komuniti mereka membuktikannya dengan kerja sukarela. Mereka juga berjaya menunjukkan nilai murni, seperti saling bekerjasama, menghormati antara satu sama lain, dan pastinya sikap toleransi antara kaum.

Biar apa-apa pun tanggapan masyarakat, PLKN sedikit sebanyak telah membentuk "budaya baharu" dalam kalangan generasi muda. Selama ini, mereka hanya kenal akan rakan sekitar tempat mereka, tetapi PLKN mampu membentuk generasi saling menghormati biar pun berlainan bangsa, agama, kulit dan negeri.

Mereka berjaya melupakan "status" yang dimiliki apabila hidup dalam suasana "asrama" dan makan bersama-sama. Hal inilah yang harus

diterapkan dalam kalangan generasi muda agar negara kita sentiasa aman damai.

Yang perlu ditekankan ialah bahawa generasi muda perlu diterapkan sejarah negara yang bermula daripada Persekutuan Tanah Melayu hinggalah kepada pembentukan Malaysia. Isu perkauman perlu diberikan penerangan yang jelas dengan mengaitkannya dengan kontrak sosial agar remaja pelbagai kaum memahaminya. Hanya PLKN mampu mengubah sikap mereka menjadi generasi yang patriotisme kerana di PLKN, mereka tidak "dikongkong" oleh tekanan seperti peperiksaan dan sebagainya.

Pemupukan semangat patriotisme ini juga perlu disertai pemupukan nilai mentaati Tuhan, menghayati Rukun Negara dengan menekankan aspek keluhuran perlembagaan dan kesetiaan kepada raja dan negara.



Semangat patriotisme yang tinggi mampu dihadirkan melalui PLKN sekiranya semua pihak bersungguh-sungguh untuk melahirkan generasi yang benar-benar sayang akan negaranya. Generasi muda perlu membuktikan PLKN benar-benar telah membentuk diri mereka bersemangat patriotisme melalui tindak-tanduk dalam kehidupan seharian. 📍

